



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

KENYATAAN MEDIA
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

**RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT
(PINDAAN) 2025**

PUTRAJAYA, 23 Julai 2025 – Kerajaan MADANI telah melakar satu lagi pencapaian penting agenda reformasi undang-undang dan institusi apabila Dewan Rakyat sebulat suara meluluskan Rang Undang-Undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025 yang membawa penambahbaikan terhadap perlindungan kepada pemberi maklumat di negara ini semalam.

Pindaan ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan untuk memperkukuhkan integriti, memerangi rasuah dan melindungi pemberi maklumat yang bertindak demi kepentingan negara, selaras dengan Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional 2024-2028. Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025 ini telah dibentangkan oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) manakala YB Tuan M.Kulasegaran, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) telah menggulung perbahasan bagi pindaan RUU ini di Dewan Rakyat.

Antara pindaan utama yang diluluskan adalah penubuhan Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat, yang berperanan memantau dan menyelaraskan pelaksanaan Akta ini secara lebih sistematik serta memastikan keberkesanan perlindungan kepada pemberi maklumat. Pindaan juga melibatkan pemotongan proviso dalam Seksyen 6(1) di mana tidak seharusnya wujud mana-mana peruntukan undang-undang yang melindungi atau menyokong tindakan yang salah seperti rasuah, penyalahgunaan

kuasa atau penyelewengan. Prinsip ini amat penting dalam memastikan sebarang kelakuan tidak wajar dan tindakan yang memudaratkan yang berlaku dalam sektor awam mahupun swasta boleh didedahkan selagi mana pendedahan itu dibuat secara bertanggungjawab mengikut syarat-syarat yang telah diperuntukkan.

Selain itu, pindaan memperuntukkan perluasan perlindungan kepada pemberi maklumat melalui Program Perlindungan Saksi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009, terutamanya bagi pemberi maklumat yang menghadapi ancaman keselamatan selepas pendedahan dibuat. Pindaan yang memasukkan seksyen baharu 11 (1A) turut memberikan agensi-agensi penguatkuasaan kuasa budi bicara yang lebih luas dalam mengekalkan perlindungan kepada pemberi maklumat, mengambil kira fakta dan keadaan setiap satu kes yang berbeza, terutamanya sekiranya pendedahan tersebut membawa manfaat besar kepada kepentingan awam (*public interest*). Pindaan ini amat penting bagi peruntukkan pembatalan perlindungan jika seseorang pemberi maklumat didapati menyertai kelakuan tidak wajar tersebut.

Pindaan-pindaan ini dijangka akan meningkatkan keyakinan rakyat untuk tampil melaporkan sebarang salah laku atau penyelewengan tanpa rasa takut tidak dilindungi oleh undang-undang. Kerajaan MADANI tetap komited untuk menolak segala bentuk intimidasi terhadap pemberi maklumat dan akan terus memperkukuh dasar perlindungan demi membina Malaysia yang lebih telus, berintegriti dan bebas rasuah.

Kerajaan juga merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Parlimen, pihak berkepentingan dan masyarakat sivil atas sumbangan, maklum balas serta sokongan dalam menjayakan pindaan ini demi masa depan negara.

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
23 JULAI 2025

